

SEKOLAH RENDAH MABOHAI, KLUSTER 1
SCHOOL BASED ASSESSMENT 1 (SBA 1)
TAHUN 2022

BAHASA MELAYU, TAHUN 2
1 jam

Arahan:

1. Tulis nama kamu di petak yang disediakan.
2. Jangan dibuka kertas soalan ini sehingga diarahkan berbuat demikian.
3. Jawab semua soalan.
4. Jangan buang masa, jika kamu tidak boleh menjawab sesuatu soalan, cuba beralih ke soalan yang lain.
5. Kamu hendaklah berhenti menjawab apabila diberitahu yang tempoh menjawab telah berakhir.
6. Kamu diberikan masa 5 minit untuk menyemak kertas soalan.

Nama:	
Kelas:	Tahun 2____

MARKAH

BAHAGIAN A: KARANGAN

Isikan tempat kosong dengan perkataan , frasa atau binaan ayat yang sesuai.

Tajuk : Karangan saya

Nama saya _____ . Saya di lahirkan pada
_____. Saya berumur _____ tahun.

Saya tinggal di _____

Saya bersekolah di _____ dalam
tahun 2 _____. Makanan kegemaran saya ialah
_____. Saya juga suka minum
_____.

Hobi saya adalah _____. Cita -cita saya
ingin menjadi _____.

JUMLAH MARKAH	___ /10
---------------	---------

BAHAGIAN B: FAHAMAN – (10 Markah)

2). Baca petikan di bawah ini. Kemudian jawab soalan-soalan yang disediakan.

Abu tinggal di Kampong Jerudong. Pada hari Ahad yang lalu, Abu dan keluarganya bergotong-royong membersihkan halaman rumah mereka.

Bapa Abu memotong rumput. Abang sibuk mencuci kolam ikan yang sudah kotor. Di halaman rumah, kakak menyapu daun-daun kering yang gugur. Manakala, ibu menyiram pokok bunga. Adik pula membersihkan longkang.

Setelah siap membersihkan halaman rumah, mereka menikmati makanan dan minuman yang dihidangkan oleh ibu. Mereka berasa gembira kerana halaman rumah mereka bersih dan cantik.

1. Di manakah Abu tinggal?

2. Bilakah mereka bergotong-royong membersihkan rumah?

3. Apakah yang dilakukan oleh kakak di halaman rumah?

4. Siapakah yang membersihkan longkang?

5. Mengapakah mereka berasa gembira?

BAHAGIAN C – TATABAHASA

3) Pilih dan tuliskan **kata nama khas** di bawah ini.

murid	Jalan Beribi	kucing	Siti Mariam	sekolah
Hyundai	guru	Si Comel	pensel	Rabu

a)
b)
c)
d)
e)

(5 markah)

4). Isikan tempat kosong dengan **kata nama am** yang sesuai.

kuih	gajah	guru	Rumah	basikal
------	-------	------	-------	---------

- a) Ibu membawa sepiring _____ untuk kami.
- b) Razif mendapat sebuah _____ pada hari lahirnya.
- c) _____ suka makan tebu.
- d) Saya bercita-cita menjadi seorang _____
- e) _____ besar itu didiami oleh keluarga Haji Firdaus.

(5 markah)

5). Isi tempat kosong dengan **kata Tanya** yang betul.

bila	mana	apa	siapa	mengapa
------	------	-----	-------	---------

- Di _____ kah letaknya Kampong Jerudong?
- _____ kah makanan kegemaran kamu?
- _____ kah nama guru kamu?
- _____ kah pertandingan mewarna diadakan?
- _____ kah Hilal tidak ke sekolah hari ini?

(5 markah)

6) Berikan antonim (**kata berlawan**) bagi perkataan berikut.

bising	gemuk	kaya	hodoh	Kecil
--------	-------	------	-------	-------

- cantik lawannya _____.
- besar lawannya _____.
- Senyap lawannya _____.
- Miskin lawannya _____.
- Kurus lawannya _____.

(5 Markah)

7) Susun perkataan di bawah supaya menjadi ayat yang betul.

a) berumur / Saya / tujuh / tahun.

b) membaca / Hobi / ialah / saya / buku.

c) mempunyai / kawan. / ramai / Afina

d) Mereka / kikir / bermain / di padang.

e) menjadi / Saya / guru. / bercita-cita

(5 markah)

BAHAGIAN D: PELAJARAN JAWI

8) Padankan perkataan rumi dengan jawi.

ibu

kuda

bubu

baju

batu

بوبو

باتو

ايبو

باجو

كودا

(5 Markah)

- SELESAI-